

## **PRUBSN COVID-19 CARE GIVEAWAY**

### **Terma & Syarat**

#### **1. KEMPEN**

- 1.1. **PruBSN COVID-19 Care Giveaway (“Kempen”)** dianjurkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (“**PruBSN**”).
- 1.2. Kempen ini bermula dari 8 Julai 2022 hingga 31 Julai 2022 11:59pm (waktu Malaysia), termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
- 1.3. PruBSN boleh melanjutkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa berserta notis pemberitahuan kepada semua peserta di platform digital PruBSN. Melainkan jika diubah sebaliknya oleh PruBSN, sebarang penyertaan Kempen semasa tempoh lanjutan (jika ada) akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang di di sini.
- 1.4. PruBSN berhak untuk meminda mekanisme Kempen, menarik balik atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa berserta notis pemberitahuan kepada semua peserta di platform digital PruBSN.
- 1.5. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk mematuhi semua Terma dan Syarat yang telah ditetapkan di sini.

#### **2. KELAYAKAN PENYERTAAN**

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, yang telah berjaya mendaftar sebagai pengguna baharu aplikasi Pulse by Prudential (“**Aplikasi Pulse**”) (“**Peserta yang Layak**” atau “**anda**”) semasa Tempoh Kempen, kecuali jawatankuasa kerja Pulse by Prudential Go To Market.
- 2.2. Kesemua yang tersebut di atas adalah dirujuk sebagai “**Peserta yang Layak**”.

#### **3. MEKANISME KEMPEN**

- 3.1. Untuk menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak perlu melengkapkan keperluan-keperluan di bawah ini semasa Tempoh Kempen:
  - 3.1.1.1. Memuat turun dan mendaftar aplikasi Pulse by Prudential;
  - 3.1.1.2. Menjadi salah seorang 500 pertama pengguna berdaftar Pulse by Prudential yang layak;
  - 3.1.1.3. Bagi lima ratus (500) Peserta yang Layak pertama yang telah berjaya mendaftar sebagai pengguna Aplikasi Pulse, mereka akan menerima kod baucar yang unik melalui SMS untuk menebus PruBSN COVID-19 Care percuma.
- 3.2. Hanya satu (1) pendaftaran sah bagi setiap Peserta yang Layak dibenarkan.

- 3.3. Kempen ini ditawarkan atas dasar siapa cepat dia dapat. Hanya lima ratus (500) Peserta yang Layak pertama yang telah berjaya mendaftar sebagai pengguna Aplikasi Pulse akan dikira sebagai pemenang.

#### **4. HADIAH**

- 4.1. Hadiah akan diberikan kepada Peserta yang Layak yang sah yang memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam Klausula 3 terma dan syarat ini.

Jumlah Pemenang	Hadiah
500	Baucar PruBSN COVID-19 Care untuk setiap pemenang.

- 4.2. Atas budi bicara mutlaknya, PruBSN berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan item lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
- 4.3. Penyertaan yang tidak lengkap dan/atau kegagalan memenuhi sebarang Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini akan membatalkan penyertaan daripada Kempen ini.
- 4.4. Para pemenang akan menerima kod baucar yang unik melalui SMS untuk menebus PruBSN COVID-19 Care percuma.

#### **5. PENGUMUMAN PEMENANG**

- 5.1. Para pemenang akan diumumkan melalui e-mel dalam tempoh satu (1) bulan selepas Tempoh Kempen tamat atau tarikh lain yang ditentukan oleh PruBSN atas budi bicaranya.

#### **6. TERMA UMUM**

- 6.1. PruBSN tidak akan bertanggungjawab atau dibebankan bagi;
- 6.1.1. Sebarang kehilangan atau kerugian yang berkaitan dengan Kempen ini, termasuk, namun tidak terhad kepada sebarang masalah, kehilangan, kerugian, atau apa-apa sahaja situasi yang dialami oleh mana-mana pihak yang disebabkan oleh kelewatan dan/atau kegagalan dalam menghantar penyertaan Kempen akibat kesilapan rangkaian (Internet dan perhubungan), komunikasi atau sistem, gangguan dan/atau kerosakan yang dialami oleh rangkaian Internet yang terlibat, dan/atau dihadapi ketika penyertaan atau memuat turun sebarang bahan berkaitan Kempen ketika Kempen berlangsung. Sekiranya berlaku kesilapan, gangguan atau

kegagalan, PrubSN tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang kegagalan bagi mana-mana Peserta yang Layak untuk menyertai Kempen pada bila-bila masa.

- 6.1.2. Sebarang masalah, perbelanjaan, kerosakan, kerugian, saman dan tuntutan atau apa-apa sahaja yang berkaitan dengannya yang dibuat terhadap mana-mana Peserta yang Layak yang mungkin timbul daripada penyertaan atau yang berhubung kait dengan penyertaan dan/atau hasil penyertaan Kempen ini.
- 6.1.3. Sebarang kesilapan (termasuk kesilapan dalam pemberitahuan para pemenang Kempen), penarikan semula, gangguan, pemadaman, ketidak sempurnaan, kelewatan dalam operasi atau transmisi, kegagalan perkhidmatan Internet, kecurian, kemusnahan atau akses yang tidak dibenarkan dalam Kempen, masalah komputer sama ada disebabkan ketika operasi atau transmisi dari fungsi khidmat komputer pelayan, virus, bug atau lain-lain sebab yang berada di luar kawalan PrubSN.
- 6.1.4. PrubSN boleh membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang Layak yang telah ditentukan oleh PrubSN sebagai melanggar proses atau operasi penyertaan Kempen, yang melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat Kempen.
- 6.1.5. PrubSN berhak membatalkan, meminda, menggantung atau melanjutkan Kempen jika terdapat sebarang keadaan yang tidak dijangka dan di luar kawalan.
- 6.1.6. Dengan menyertai Kempen ini, semua Peserta yang Layak dengan ini memberi jaminan bahawa semua kenyataan dan butiran peribadi yang telah diberikan adalah benar, betul, tepat dan lengkap dan peserta telah membaca dan memahami semua terma dan syarat Kempen ini dan bersetuju untuk mematuhiinya.
- 6.1.7. PrubSN boleh mengubah, meminda, memadamkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat jika perlu. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, Terma dan Syarat yang telah dikemas kini akan dimaklumkan melalui e-mel dan akan berkuat kuasa pada tarikh pengumuman tersebut.
- 6.1.8. Peserta yang Layak dan PrubSN harus memastikan semua aktiviti di bawah Kempen ini adalah patuh Syariah.

## 7. UNDANG-UNDANG ANTI RASUAH DAN KORUPSI

- 7.1. Anda hendaklah mematuhi semua undang-undang anti-rasuaah termasuk Akta Amalan Rasuah Negara Asing Amerika Syarikat, Akta Rasuah UK, dan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Hong Kong, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta mana-mana peraturan dan panduan yang berkaitan. Prudential berhak untuk membatalkan kelayakan penyertaan anda jika berlaku sebarang kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang yang berkaitan dengan penyertaan anda dalam Kempen ini.

## **8. NOTIS PRIVASI**

- 8.1. Peserta yang Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan atau pendedahan maklumat yang terkandung di sini dan/atau melalui Kempen ini (yang merangkumi dokumen perjanjian tambahan dan lain-lain dokumen sampingan) adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”). PruBSN dan Peserta yang Layak hendaklah mematuhi semua peruntukan PDPA.
- 8.2. Sebarang data peribadi, termasuk sebarang data peribadi yang sensitif (“Data Peribadi”) yang disediakan hendaklah diproses mengikut Polisi Privasi PruBSN yang dipaparkan di laman web korporat <https://www.prubsn.com.my/en/privacy-policy/> dan Notis Privasi di Aplikasi Pulse.

## **9. PENAFIAN**

- 9.1. Dengan menyertai Kempen ini, setiap Peserta yang Layak bersetuju bahawa PruBSN, para pekerja, pegawai, pengarah, ejen, rakan kongsi, rakan niaga, syarikat induk dan anak-anak syarikatnya yang berkenaan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang ganti rugi, kerugian, kecederaan, hak, tuntutan atau apa-apa sahaja tindakan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan Kempen ini, atau akibat daripada penerimaan, pemilikan, penggunaan/penalihgunaan ganjaran, hadiah, atau penyertaan termasuk tanpa had, kecederaan diri, kematian, kerosakan harta benda dan tuntutan berdasarkan hak-hak publisiti, fitnah atau pencerobohan privasi.
- 9.2. Setiap Peserta yang Layak juga bersetuju bahawa PruBSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pendaftaran yang lewat (termasuk kelewatan penghantaran maklumat), diubah, diganti, tidak lengkap, tidak tepat, penghantaran yang salah, hilang, tertangguh, rosak, disalin atau sebaliknya tidak mematuhi semua terma dan syarat ini.

## **10. PEMBATALAN**

- 10.1. PruBSN berhak membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang Layak daripada Kempen ini jika Peserta yang Layak tersebut tidak mematuhi proses

- atau operasi penyertaan, atau melakukan pelanggaran atau berpotensi untuk melanggar Terma dan Syarat ini, termasuk tidak memenuhi syarat pemilihan.
- 10.2. Keputusan PruBSN dalam perkara ini adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
  - 10.3. PruBSN boleh meminda, mengubah, membatalkan, mengubah suai, menggantung atau mengetepikan Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun.

**11. UNDANG - UNDANG YANG MENTADBIR**

- i. Terma dan Syarat Kempen ini adalah di bawah penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.
- ii. Terma dan Syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris adalah dirujuk.